



## "MAAL HIJRAH: PENGORBANAN MUHAJIRIN DAN ANSAR"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَا جَرُوا وَجَاهُوا  
بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَاوَوا وَنَصَرُوا  
أُولَئِكَ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءِ بَعْضٍ ...  
أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah SWT.,



Pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan kepada sidang Jumaat sekalian marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya mudah-mudahan kita memperolehi keredhaan dan perlindungan-Nya di dunia dan di akhirat.

Khutbah jumaat pada minggu ini mengajak kita sama-sama menghayati pengertian: "**MAAL HIJRAH: PENGORBANAN MUHAJIRIN DAN ANSAR**".

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, kita telah memasuki tahun baru 1436 Hijrah. Hijrah sebenarnya telah mengingatkan kita kepada peristiwa bersejarah yang berlaku kepada Rasulullah SAW. dan para sahabat RA. Perlu kita ingat bahawa berjayanya hijrah menjadi asas kepada tertegaknya daulah Islamiah yang merupakan matlamat utama penghijrahan Rasulullah SAW. Sesungguhnya orang yang berhijrah mendapat kedudukan yang tinggi disisi Allah SWT. malah mereka juga disebut sebagai golongan yang mendapat kejayaan.

Inilah yang telah ditegaskan oleh Allah SWT. menerusi firman-Nya dalam surah al-Taubah ayat 20:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَا جَرُوا وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ  
وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ



*"(Sesungguhnya) orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya disisi Allah. (daripada orang yang hanya memberi minum orang yang mengerjakan haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja); dan mereka itulah orang yang berjaya".*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Penyatuan dua tonggak utama iaitu golongan Muhajirin dan golongan Ansar semasa hijrah dengan berpandukan wahyu daripada Allah menjadi penyebab utama kejayaan hijraturrasul SAW. pada ketika itu. Golongan Muhajirin ialah penduduk asal kota Makkah dan dikenali sebagai orang Quraisy. Mereka merupakan pengikut Rasulullah SAW. yang berhijrah dari Makkah ke Madinah. Manakala golongan Ansar pula ialah penduduk asal Madinah yang telah memeluk Islam, terdiri dari kaum Aus dan Khazraj. Mereka adalah golongan yang membantu perjuangan Rasulullah SAW. di Madinah. Pelbagai bentuk pengorbanan telah dilakukan oleh golongan Muhajirin dan Ansar semasa peristiwa hijraturrasul SAW.

Lihatlah pengorbanan tanpa berbelah bagi yang dilakukan oleh orang Muhajirin seperti Saidina Abu Bakar as-Siddiq, Uthman ibn Affan, Abdul Rahman bin Auf, Suhaib Ar Rumi, Mus'ab bin Umair, Abu Salamah bin Abdul Asad, Amir bin Rabiah dan isterinya yang sanggup meninggalkan kampung halaman, keluarga, harta kekayaan, pangkat, kedudukan dan sebagainya demi cintakan Allah dan Rasulnya. Tidak dilupakan keberanian Sayidina Ali ketika menggantikan Rasulullah SAW. di tempat tidur Baginda. Sifat murah hati Ummu Ma'bad yang merelakan kambingnya diperah susu untuk dibuat minuman semasa penghijrahan Rasulullah SAW. dan Sayidina Abu Bakar



as-Siddiq. Ternyata kesemuanya itu merupakan pengorbanan yang amat besar nilainya terhadap peristiwa hijrah.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Golongan Ansar turut mempersesembahkan pengorbanan yang amat mulia dalam peristiwa hijraturrasul SAW. Saksikanlah kesediaan Abu Ayyub al-Ansari RA. yang telah menjadikan rumahnya sebagai tempat untuk Rasulullah SAW. bermalam. Sehinggalah terbinanya Masjid Quba' dan Masjid an-Nabawi, orang-orang Ansar pernah mencadangkan kepada Rasulullah agar membahagikan pokok kurma mereka kepada golongan Muhajirin. Namun Nabi Muhammad SAW. menyarankan agar pokok kurma itu diusahakan oleh golongan Ansar dan mereka boleh membahagikan hasilnya kepada golongan Muhajirin dengan alasan bahawa tenaga golongan Muhajirin lebih diperlukan untuk dakwah dan jihad. Seterusnya sirah juga turut memaparkan betapa besarnya pengorbanan yang ditunjukkan oleh Sa'd bin al-Rabi' dari golongan Ansar yang sanggup menawarkan salah seorang isterinya kepada Abd Rahman bin'Auf dari golongan Muhajirin. Hubungan persaudaraan antara Muhajirin dan Ansar yang telah dipertautkan oleh Rasulullah SAW. atas dasar keimanan telah menyebabkan orang-orang Ansar sanggup berkorban apa sahaja demi membuktikan kecintaan mereka kepada Allah dan Rasul-Nya. Hubungan sesama mereka seolah-olah diibaratkan sebatang tubuh apabila satu anggota merasa sakit menyebabkan anggota lain juga turut sama menderita.

Hadis daripada Nu'man Bin Basyir bahawa Rasulullah SAW. bersabda:



مَثْلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ  
وَتَعَاطُفِهِمْ مَثْلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضُوٌ  
تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمْى

"Perumpamaan orang yang beriman pada kasih sayang, belas kasihan dan sikap lemah lembut mereka seperti tubuh badan yang satu, apabila satu anggota terasa sakit maka seluruh tubuh turut merasa sakit disebabkan berjaga malam dan demam".

(Riwayat Muslim).

Allah SWT. telah juga turut menyatakan bahawa golongan yang terlibat dalam memainkan peranan yang penting demi memastikan kejayaan hijrah adalah merupakan mukmin yang sebenar-benarnya.

Firman Allah SWT. dalam surah an-Anfal ayat 74:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهُدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
وَالَّذِينَ ءَأَوْا وَنَصَرُوا أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًا هُمْ

مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ

"Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah, dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada Muhajirin), mereka itulah orang-orang yang benar-benar beriman. Mereka beroleh keampunan dan rezeki yang mulia".



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Hijrah membawa pengertian yang amat luas, iaitu keluar daripada medan perjuangan yang sempit ke gelanggang yang lebih luas, ia adalah pemisah di antara yang hak dengan yang batil. Ia juga merangkumi perpindahan kepada hidup yang lebih baik, lebih maju, lebih mulia dan lebih bermakna serta sentiasa berada dalam redha llahi. Hijrah yang menjadi tuntutan secara berterusan ialah berpindah atau berubah daripada akhlak yang buruk kepada yang baik. Ukuran baik atau buruk itu dibuat berdasarkan perspektif iman dan Islam.

Mutakhir ini kita melihat ramai dikalangan artis samada daripada kalangan pelakon, penyanyi, pelawak, model-model, bahkan dilokangan mat-mat rempit juga mula berminat untuk melakukan penghijrahan dalam hidup mereka kearah kehidupan yang lebih bermakna atau dengan kata ingin kembali ke pangkal jalan. Malah sampai kepada tahap ramai dikalangan orang bukan Islam sudah mula berminat untuk memeluk Islam. Disamping saudara saudara baru yang telah memeluk Islam (muallaf) yang masih terabai nasib mereka, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai anggota masyarakat memberikan bantuan, bimbingan serta dorongan kepada mereka dan janganlah pula kita memandang serong, bersangka buruk dan mencemuh mereka kerana hasrat dan hajat suci perubahan yang ingin mereka lakukan. Rasulullah SAW telah menyatakan bahawa orang yang meninggalkan perkara yang dilarang oleh Allah SWT adalah merupakan orang yang berhijrah.

Hadis daripada Ibnu Juraij RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda :



الْمُسْلِمُ مَنْ سَلَّمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ  
وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

"Seorang muslim ialah orang yang membuatkan orang lain terselamat daripada angkara kejahanan lidah dan tangannya. Dan seorang yang berhijrah ialah sesiapa sahaja yang berhijrah daripada perkara yang ditegah oleh Allah daripadanya".

(Riwayat al-Bukhari).

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Antara pengajaran dan iktibar yang dapat diambil daripada khutbah ini adalah:

1. Umat Islam hendaklah sentiasa berusaha untuk mewujudkan sebuah Daulah Islamiah yang memastikan agar perlaksanaan Islam siterima secara menyeluruh sesuai dengan semangat hijrah Rasulullah SAW.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa memelihara perpaduan antara kaum dan bangsa dalam negara.
3. Kita hendaklah memperkasakan Islam agar umat Islam menjadi bangsa yang berdaulat dan menjadi contoh ikutan.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa berusaha untuk berhijrah menjadi yang terbaik.
5. Umat Islam hendaklah sedar bahawa tertegaknya Islam adalah bergantung kepada perpaduan yang kukuh dikalangan umat Islam sendiri dan hendaklah menjauhi perpecahan yang merugikan.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَالسَّبِقُونَ الْأَوْلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ  
وَالَّذِينَ أَتَبْعَوْهُمْ بِإِحْسَانٍ رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا  
عَنْهُ وَأَعَدَ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ خَلَدِينَ فِيهَا  
**أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ**



"Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang "Muhajirin" dan "Ansar", dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan dia, serta ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar".

(at-Taubah : 100).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ  
وَسَلَامُهُ ؎ تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بَعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،  
جَلَالَةً مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ  
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.  
الَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىْةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالُ وَالإِكْرَامُ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menuaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir dan miskin serta



mereka yang mewakafkan dan menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجَنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٌ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللهِ، إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.